

## **PEMBERITAHUAN**

### **MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN TAHUN 1445H / 2024M**

Sukacita dimaklumkan kepada muslimin dan muslimat sekalian bahawa Kerajaan Negeri Terengganu melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (Bahagian Dakwah) akan mengadakan **Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Terengganu Bagi Tahun 1445H / 2024M**.

2. Sehubungan dengan itu, dipelawa kepada sesiapa yang berminat dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk memohon bagi menyertai majlis ini.

3. Syarat-syarat penyertaan adalah sebagaimana berikut:

#### **3.1 Syarat-syarat bagi peserta:-**

3.1.1 Beragama Islam

3.1.2 Warganegara Malaysia

3.1.3 Berusia tidak kurang 18 tahun pada hari pertama majlis dijalankan

3.1.4 Peserta hendaklah merupakan anak kelahiran Terengganu berdasarkan sijil kelahiran / kad pengenalan atau mendapat kerakyatan Negeri Terengganu

3.1.5 Bagi pemastautin (tempat tinggal/kerja/belajar), peserta hendaklah bermastautin di Terengganu sekurang-kurangnya satu tahun sebelum majlis diadakan dan mengekalkan penyertaan di negeri ini bagi tempoh tiga tahun berturut-turut sebelum berpindah ke negeri lain. Bagi kakitangan kerajaan/swasta/persendirian hendaklah mendapat pengesahan daripada majikan/ketua kampung/penghulu mukim. Manakala bagi pelajar hendaklah mendapat pengesahan daripada ketua institusi pengajian yang berkenaan.

3.1.6 Seseorang peserta yang telah berpindah ke negeri lain atau menyambung pengajian di pusat-pusat pengajian boleh mewakili negeri ini dengan syarat perpindahan tersebut tidak melebihi enam bulan dari tarikh mula berpindah. Bagi kakitangan kerajaan hendaklah mendapat pengesahan daripada ketua jabatan, manakala bagi pelajar-pelajar hendaklah mendapat pengesahan daripada ketua institusi pengajian berkenaan.

3.1.7 Peserta yang menjadi johan di peringkat negeri layak menjadi johan menunggu sekali sahaja. Selepas itu peserta hendaklah berehat satu tahun dari tarikh majlis terakhir yang disertainya dan boleh menyertai majlis berikutnya dengan menyertai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri.

3.1.8 Peserta yang menjadi johan di peringkat negeri tahun pertama dan kedua berturut-turut tidak layak menyertai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Terengganu pada tahun ketiga. Peserta tersebut boleh menyertai semula Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Terengganu mulai tahun keempat.

3.1.9 **Penyertaan akan terbatal sekiranya mana-mana syarat di atas tidak dipatuhi.**

### 3.2. Peraturan kepada peserta:-

3.2.1. Peserta qariah hendaklah tidak berada dalam keadaan uzur syari'e. Sekiranya qariah itu uzur syari'e, maka bolehlah digantikan dengan qariah berikutnya dalam Majlis Tilawah Al-Quran yang diadakan di setiap daerah dengan syarat mendapat persetujuan Pengerusi Jemaah Hakim Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Terengganu.

3.2.2. Setiap peserta dikehendaki hadir dalam majlis pengundian bagi menentukan giliran membaca dan tidak boleh mewakilkan kepada sesiapa pun.

3.2.3. Setiap peserta hendaklah mengundi ayat dan dua jenis taranum wajib untuk dibaca pada waktu ditetapkan sekurang-kurangnya dua jam sebelum majlis dijalankan dan **tidak boleh mewakilkan kepada sesiapa pun.**

3.2.4. Keputusan undian adalah muktamad. Peserta tidak dibenarkan sama sekali menukar giliran membaca atau ayat yang hendak dibaca selepas pengundian dibuat.

3.2.5. Peserta hendaklah berada di dalam dewan tempat berlangsungnya majlis tilawah sekurang-kurangnya 30 minit sebelum majlis bermula.

3.2.6. Peserta hendaklah berada di ruang menunggu astaka 15 minit sebelum sampai giliran untuk mempersembahkan bacaannya.

3.2.7. Peserta dikehendaki membaca bermula daripada ayat yang telah diundi dalam tempoh 10 minit. Pengiraan masa bermula dari bacaan isti'azah.

3.2.8. Qari hendaklah memakai baju kebangsaan lengkap manakala qariah hendaklah berpakaian sopan dan menutup aurat ketika mempersembahkan bacaan, semasa Majlis Perasmian Pembukaan, Majlis Penutupan dan Pengurniaan Hadiah. Qariah tidak dibenarkan memakai penutup muka/niqab/purdah semasa mempersembahkan bacaan dan semasa majlis penyampaian hadiah.

3.2.9. Setiap peserta hendaklah mematuhi semua arahan dan peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

4. Borang permohonan boleh diperolehi daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (Bahagian Dakwah) atau semua Pejabat Agama Daerah dan boleh memuat turun borang penyertaan melalui laman sesawang: <http://jheatweb.terengganu.gov>
5. Borang Penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar **ke Pejabat Agama Daerah** masing-masing.
6. **TARIKH PERMOHONAN PADA 21 DISEMBER 2023.**
7. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA 04 JANUARI 2024.**

Sekian, terima kasih.

BAHAGIAN DAKWAH  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU  
PUSAT PENTADBIRAN ISLAM NEGERI  
KOMPLEKS SERI IMAN, JALAN SULTAN MOHAMAD  
20676 KUALA TERENGGANU  
TEL: 09-6252525